

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**SOALAN NO. 462**

Minta minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik murid cicir bagi sekolah rendah dan menengah di negeri Kelantan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada Julai 2019, terdapat seramai 2,249 orang murid negeri Kelantan yang pada asalnya mengikuti persekolahan dan disenaraikan dalam Sistem Aplikasi Data Murid (APDM) telah dikeluarkan kerana tidak lagi mengikuti persekolahan di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Dari jumlah tersebut, 2,014 orang murid adalah dari sekolah rendah dan 235 orang murid dari sekolah menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah diambil oleh KPM bagi mengurangkan kadar keciciran seperti menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, menyediakan khidmat guru kaunselor dan guru pemulihan, mewujudkan dan memperluas program-program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). KPM juga menyediakan pelbagai bantuan seperti pemberian buku teks secara percuma, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu Sekolah, serta pembinaan asrama sekolah supaya semua kanak-kanak dapat kekal bersekolah serta meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan.